

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: Pejabat Pembangunan Pelajar & Alumni UUM CAS
Sent: Tuesday, August 8, 2017 3:44 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Cc: Dr. Massudi bin Mahmuddin; Dr. Rahayu Binti Ahmad
Subject: 3 pelajar CAS telah selamat tiba di NUS



PEJABAT PEMBANGUNAN PELAJAR DAN ALUMNI
Student Development & Alumni Office
College of Arts and Sciences

Universiti Utara Malaysia

15 Zulkaedah 1438H bersamaan 8 Ogos 2017

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

السلامة على من رزقنا الله ودينه

UUM ONLINE: 3 pelajar UUM CAS yang telah mendapat biasiswa ke National University Singapore (NUS) selamat tiba di Universiti tersebut. Pelajar tersebut ialah Loh Yee Ling (Pelajar Ijazah Sarjana Muda Statistik Industri), Naja Neriena Binti Ayob (Pelajar Ijazah Sarjana Muda Industri Kreatif) dan juga Fathin Nabilah binti Mohd Razif (Pelajar Ijazah Sarjana Muda Sains Multimedia). Mereka telah mendaftar serta menghadiri taklimat orientasi pada 4 Ogos 2017 yang lalu. Mereka telah diberikan asrama oleh pihak universiti sepanjang program berlangsung.



Bagi Naja Nariena, beliau teruja dengan suasana di NUS dengan berkata, “Sebagai seorang pelajar yang berjaya mendapat tawaran pertukaran pelajar ke National University of Singapore 2017/2018 Fall Semester, saya mempunyai harapan yang tinggi terhadap NUS kerana reputasi tempat pertama di Asia. Pertama kali menjejakkan kaki disini, saya terpegun dengan suasana disini sama ada dari segi bangunannya, penduduknya mahupun sistem yang diamalkan disini. Saya berasa teruja untuk meneruskan program pertukaran saya disini dan menambah pengalaman yang menarik dan berharga untuk diri sendiri dan perkongsian bersama sesam rakan di UUM nanti.”

Tidak kurang kepada Fatin Nabilah yang mengatakan , “Pertama kali saya menjejakkan kaki saya di University Town, National University of Singapore membuatkan saya berasa sangat teruja kerana persekitarannya yang sangat eksklusif dan kondusif sehingga boleh dikatakan sebagai 'syurga' untuk pelajar menimba ilmu dan pengalaman sambil bersantai bersama rakan-rakan.”

Manakala pelajar dari SQS, Loh Yee Ling berpendapat, “Tanggapan pertama terhadap Singapore ialah Singapore mempunyai trafik yang memudahkan kita. Singapore juga mempunyai teknologi yang canggih dan maju. “

Pihak UUM mengharapkan semua pelajar yang mendapat biasiswa ke NUS dapat menyempurnakan semester di sana dengan cemerlang.

Habis

=====

Students Development & Alumni Office
UUM College of Arts & Sciences
Tel: 049285307 | Faks: 049285310
Email:cas-sadc@uum.edu.my
Website:ppacas.uum.edu.my

Students Development & Alumni Office
@ppauumcas

=====



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.